

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak ke atas ekonomi negara akibat gelombang ketiga wabak COVID-19, dan mengapa moratorium pinjaman bank-bank (nilai terkini) tidak boleh dilanjutkan selama 6 bulan lagi agar 8 juta rakyat dan syarikat Malaysia dapat menyelamatkan perniagaan dan pekerjaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi keseluruhan tahun 2020 dijangka terjejas akibat pandemik COVID-19. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang telah mencatat penguncupan sebanyak 6.4 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 2020. Walau bagaimanapun, kegiatan ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 di mana penguncupan KDNK pada suku ketiga telah berkurang kepada 2.7 peratus. Dari sudut suku-ke-suku yang disesuaikan mengikut musim (seasonally-adjusted basis), ekonomi Malaysia telah pulih semula sebanyak 18.2 peratus (S2 2020: -16.5 peratus). Perkembangan ini adalah susulan daripada kegiatan ekonomi yang telah dibuka kembali pada awal bulan Mei 2020 dan pelaksanaan beberapa pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dalam menangani krisis COVID-19, meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, membantu perniagaan dan memulihkan semula ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi meringankan beban rakyat dan perniagaan dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19, bantuan moratorium telah diberikan kepada semua peminjam selama 6 bulan bermula antara April dan September 2020. Bantuan moratorium bayaran balik pinjaman terus diberikan secara bersasar bermula 1 Oktober 2020 selepas tempoh moratorium secara keseluruhan berakhir. Bank-bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada mereka yang benar-benar terjejas akibat COVID-19. Bantuan moratorium bersasar ini disediakan kepada mereka yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan yang terjejas kepada individu, isi rumah dan PKS sehingga akhir 2020. Sekitar 650,000 peminjam telah memohon pelanjutan dan kira-kira 98% permohonan telah diluluskan. Sejumlah 40% daripada peminjam memohon mendapatkan pelanjutan moratorium manakala 60% memilih untuk menyambung semula bayaran

balik pinjaman tetapi dengan bayaran ansuran yang lebih rendah. Selain itu, sekitar 85% daripada peminjam telah menyambung semula bayaran balik pinjaman tanpa apa-apa bantuan pada bulan Oktober. Ini menunjukkan bahawa tidak semua peminjam memerlukan bantuan moratorium berkenaan.

3. Selain itu, ekoran daripada gelombang ketiga COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 supaya bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada golongan B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup/Bantuan Prihatin Rakyat dan perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000. Peminjam ini boleh sama ada menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan, atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan mereka sebanyak 50% untuk enam bulan. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

4. Bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukannya, proses permohonan telah dipermudahkan dan diringkaskan. Dalam kebanyakan keadaan, bank-bank hanya menghendaki peminjam mengemukakan penyata bank terkini atau mengisytiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat sekatan pergerakan. Bagi golongan M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank-bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

Sekian, terima kasih.